

# Kemakmuran Bersama inisiatif baharu agih kekayaan

> Tujuh teras diperkenal wujudkan rasa keharmonian, kestabilan

**Oleh Wan Faizal Ismayatim, Iwan Shafrizan Ismail, Zanariah Abd Mutalib dan Noor Atiqah Sulalman**  
bhnews@bh.com.my

## Putrajaya

**K**erajaan akan memperkenalkan inisiatif baharu dikenali sebagai Kemakmuran Bersama, iaitu pembangunan tidak hanya dinilai melalui angka, sebaliknya pembangunan dan kekayaan harus diagih lebih adil supaya rakyat dapat merasainya, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, inisiatif berlandaskan tujuh teras itu akan mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan dalam kalangan rakyat, menjelang 2030.

Beliau berkata, Kemakmuran Bersama antara lain bermaksud, usaha menjadikan Malaysia negara yang terus menerus membangun secara mampan, seiring pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif pada setiap peringkat rantai nilai, kelas, kaum

dan geografi.

"Matlamat Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat," katanya ketika menyampaikan Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan (PH) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri yang juga Presiden PH, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, anggota Kabinet serta kepimpinan PH daripada empat parti komponen.

## Tiga objektif utama

Perdana Menteri berkata, Kemakmuran Bersama dibangunkan untuk memastikan ia mencapai tiga objektif utama, dengan yang pertama untuk memastikan Jurang Pendapatan dan Kekayaan rakyat dapat ditangani, dengan merapatkan jurang kekayaan antara kelas, kaum, wilayah dan rantai bekalan, bagi membara bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasakan.



*Dr Mahathir dan Dr Wan Azizah bersalam dengan tetamu pada majlis Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan di PICC, Putrajaya, semalam.*

"Objektif kedua Kemakmuran Bersama adalah Model Pembangunan Baharu untuk semua, iaitu mencipta ekonomi lebih terstruktur progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi, dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh pada semua peringkat.

"Ketiga, untuk Malaysia yang lebih cemerlang dan menjadi salah satu paksi ekonomi penting di Asia. Ia bermaksud menjadikan Malaysia negara yang bersatu, makmur dan bernaung seterusnya muncul paksi ekonomi Asia," katanya.

Dr Mahathir berkata, sepanjang dekad lalu, ekonomi negara berubah secara radikal dan ini menyebabkan hasrat menjadi negara maju seperti disandarkan dalam Wawasan 2020 tidak tercapai.

Perdana Menteri berkata, walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan nilai pendapatan negara meningkat, nikmat kekayaan negara tidak dapat dirasai oleh rakyat kerana daya produktiviti masih ditahap lama.

"Dengan itu, kos barangan dan

**Kemakmuran Bersama dibangunkan untuk memastikan ia mencapai tiga objektif utama, dengan yang pertama untuk memastikan Jurang Pendapatan dan Kekayaan rakyat dapat ditangani"**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

khidmat akan menjadi tinggi dan sara hidup meningkat, pendapatan yang tinggi tidak akan menaikkan daya beli kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, model ekonomi dekad lalu hanya menumpukan kepada penambahan hutang negara untuk projek mega, peningkatan jumlah pekerjaan yang 70 peratus terdiri daripada pekerjaan berkemahiran rendah.

## Pemilikan asing

Beliau berkata, pemilikan ekuiti lebih banyak bertukar kepada pemilikan asing, pertumbuhan ekonomi terfokus kepada beberapa bandar raya utama dan mengeneipkan pertumbuhan serta pemilikan ekuiti dan peluang kepada rakyat tempatan.

"Ia lebih parah apabila nilai integriti menjunam dan rasuah melambung tinggi, kerana ramai mencontohi kepemimpinan utama negara lalu dan tanpa malu menggunakan jenama 'Bumiputera' untuk kepentingan peribadi dan kemewahan diri," katanya.